

27/10/1998

PM persoal media asing

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta media antarabangsa supaya tidak membantu usaha menumbangkan kerajaan yang dipilih rakyat, secara tidak demokratik.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan Malaysia dipilih rakyat menerusi pilihan raya adil dan kini usaha sedang dilakukan untuk menjatuhkan kerajaan menerusi rusuhan di jalanan dan pendekatan lain yang tidak demokratik.

"Bagaimana media boleh menyokong usaha ini dan pada masa yang sama bercakap mengenai demokrasi? Media boleh menyokong mereka yang menentang kerajaan, tetapi media tidak boleh menyokong usaha menumbangkan kerajaan.

"Saya tidak tahu mengenai negara lain, tetapi di Malaysia pembangkang boleh memenangi pilihan raya, malah membentuk kerajaan.

"Saya sendiri pernah tewas dalam pilihan raya sebelum ini. Saya mungkin satu-satunya diktator yang harus bertanding dalam pilihan raya sebelum memerintah," katanya secara sinis ketika berucap merasmikan Persidangan Dwi-Tahunan Kesatuan Akhbar Komanwel (CPU) di sini, hari ini.

Lebih 300 pengarang kanan negara Komanwel menghadiri persidangan tiga hari itu. Hadir sama, Pengerusi Majlis CPU, Lyle Turnbull; Pengarah Eksekutif CPU, Mark Robinson dan Pengerusi CPU (Malaysia), Datuk A Kadir Jasin yang juga Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP).

Mengenai fungsi media, Dr Mahathir meminta media antarabangsa memikirkan semula fungsi mereka dan menggunakan kuasa sebaik-baiknya untuk kepentingan manusia sejagat pada masa depan.

"Media sangat berkuasa, dalam kebanyakan kes lebih berkuasa daripada kerajaan dan ahli politik. Anda boleh membina dan menjatuhkan seseorang atau apa saja," katanya.

"Media juga berperanan mewujudkan keamanan dalam dunia yang semakin mengecil dengan tidak menyiarkan pemikiran dalaman pihak yang bertelingkah kepada umum kerana ia tidak akan menggalakkan keamanan dan kesejahteraan.

"Kita tahu semua perkara buruk kawan baik kita termasuk yang akrab, tetapi kita kekal sebagai kawan baik dengan tidak menjelaskan sikap kita terhadap mereka. Tidak perlu tahu. Mungkin wujud sedikit hipokrisi tetapi ia adalah untuk kebaikan," katanya.

Malangnya, Perdana Menteri berkata, media sendiri sering terpengaruh untuk menyalahgunakan kuasa.

Sebagai contoh, Dr Mahathir merujuk bagaimana rangkaian Cable News Network (CNN) menyiarkan gambar Presiden Clinton memeluk Monica Lewinsky di khalayak ramai beribu-ribu kali.

"Saya bukan peminat Presiden Clinton, tetapi saya berasa penyiaran serupa itu menerusi televisyen agak tidak adil," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia menghadapi pengalaman serupa apabila masalah politik yang serius di negara ini menjadi lebih serius apabila media antarabangsa menggunakan pendekatan serupa untuk menyiarkan berita berkenaan.

"Apabila seorang menteri tidak mahu meletak jawatan secara senyap dan dibicarakan secara normal berikutan dakwaan ke atasnya, media antarabangsa menganggap ia satu bahan liputan yang menarik," katanya.

Perdana Menteri berkata, media antarabangsa tidak pernah membuat laporan positif dan baik mengenai kejayaan ekonomi dan kemampuan Malaysia mewujudkan negara pelbagai kaum yang stabil. Tetapi, sebarang kegagalan

menjadi bahan laporan yang baik bagi mereka.

"Saya tidak meminta media melaporkan perkara baik saja. Saya meminta media bersikap lebih adil, seimbang dan melaporkan fakta yang benar.

"Jika media mesti melaporkan semua perkara yang menggoncangkan kerajaan negara membangun, sekurang-kurangnya beri kerajaan peluang mendapat liputan adil.

"Media menuduh Kerajaan Malaysia dan negara membangun lain mengawal media. Tetapi tidakkah media (antarabangsa) melakukan perkara sama? Media antarabangsa tidak pernah menyiarkan cerita bagi pihak kerajaan. Malah, mereka menyiarkan laporan menyeleweng mengenai kerajaan sehingga ada kalanya mereka-reka cerita yang tidak baik," katanya.

Dalam sesi soal jawab selepas itu, Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia percaya kepada kebebasan media, tetapi seperti pedagang mata wang, peraturan mesti diwujudkan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa.

"Kebebasan media bukan saja bermaksud media boleh menyuarakan apa yang disukai, tetapi juga pihak lain dibenarkan menggunakan media untuk berkomunikasi," katanya.

Justeru, Perdana Menteri menganggap kerajaan juga mempunyai hak ke atas kebebasan media. Sebagai kerajaan yang dipilih, ia perlu berkomunikasi dengan rakyat.

"Kerajaan harus diberi hak bagi berkomunikasi menerusi media. Apabila media menafikan hak kerajaan untuk berkomunikasi dengan rakyat, media tidak memberi kebebasan media kepada pihak lain, ia hanya dikhususkan untuk mereka saja," katanya.

Malangnya, Perdana Menteri berkata, media sendiri yang menapis siaran mereka. Di Malaysia, katanya, media adalah bebas tetapi bertanggungjawab.

"Sudah tentu wujud sistem pelesenan kalau tidak bagaimana untuk mengekalkan kestabilan, kita harus menetapkan tanggungjawab terhadap undang-undang supaya orang tidak menyalahgunakan kuasa yang diberi," katanya.

(END)